

28 APR 1996

Agong-Tien

AGONG UTUS UCAPAN TAKZIAH KEPADA SUHARTO

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengutuskan ucapan takziah kepada Presiden Suharto di atas kembalinya Ibu Tien ke Rahmatullah awal hari ini.

"Beta dan Adinda Raja Permaisuri Agong berasa amat sedih di atas berita berkenaan kembalinya Ibu Tien ke Rahmatullah," titah Baginda dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Istana Negara.

Seri Paduka baginda dan Raja Permaisuri Agong juga menyampaikan takziah kepada seluruh rakyat Indonesia yang sedang bersedih di atas kematian Ibu Tien.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali juga mengirinkan perutusan yang sama kepada Presiden Suharto serta keluarga dan rakyat Indonesia.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga turut menyampaikan ucapan takziah bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia kepada Suharto dan rakyat Indonesia.

Menurut beliau, Perdana Menteri akan menghadiri upacara pengkebumian ibu Tien bersama Dr Siti Hasmah.

Suharto, dengan persetujuan ahli keluarga dan saudara mara, berkenan supaya Wanita Utama Indonesia itu dikebumikan di perkuburan keluarga di kampung Kaliten, Surakarta (Solo), tempat lahir Ibu Tien.

Upacara pengkebumian akan diadakan esok.

Ibu Tien, 72, yang nama sebenarnya Siti Hartinah Suharto, meninggalkan suaminya Suharto, enam anak yang semuanya telah berkahwin kecuali anak lelaki yang bongsu, Hutomo (Tommy) Mandalaputra dan beberapa orang cucu. -- Bernama

MGM WAT AHH OBA.